

27 JAN 2004

Abdullah-Asean (Bergambar)

PM BERPUAS HATI DENGAN LAWATANNYA KE ASEAN

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau berpuas hati dengan lawatannya ke beberapa negara Asean yang diterima baik dengan acara-acara sambutan yang cukup bermakna.

Beliau berkata kunjungan itu melambangkan keutuhan persahabatan yang sedia wujud antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

"Sebenarnya lawatan saya itu merupakan kunjungan hormat kepada ketua-ketua negara Asean yang sering dilakukan oleh seseorang yang baru memegang jawatan (Perdana Menteri).

"Ini memang merupakan satu tradisi yang saya turut lakukan. Alhamdulillah ianya baik," katanya kepada media selepas melancarkan buku

'Wira Tak Didendang', karya Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin, di sini hari ini.

Abdullah berkata negara-negara yang beliau kunjungi namun telah menaiktarafkan lawatan itu hingga ke peringkat lawatan rasmi penuh dengan pelbagai acara sambutan.

Namun kata beliau, yang penting bagi beliau adalah lawatannya telah membuka kesempatan baginya untuk berbincang dengan ketua-ketua negara Asean dan daripada perbincangan itu, Perdana Menteri dapat rasai bahawa hubungan antara negara-negara Asean dengan Malaysia adalah baik.

Pertemuan-pertemuan itu juga, katanya, telah dapat dikembangkan bagi membincangkan hubungan dua hala dalam bidang-bidang lain yang belum diadakan.

"Sememangnya hasil kerjasama antara Malaysia dengan negara-negara Asean dihargai kerana ia merupakan hubungan yang elok," katanya.

Abdullah sebelum itu diminta mengulas mengenai hasil siri lawatannya ke negara-negara Asean baru-baru ini, Indonesia, Singapura, Thailand, Laos, Filipina, Vietnam dan Kemboja. Beliau dijadualkan melawat Myanmar pada 29 Jan.

Katanya para pemimpin Asean telah menyatakan bahawa Asean

merupakan  
satu kumpulan wilayah yang dapat dipereratkan hubungan dalam  
pelbagai  
bidang bagi menjamin keselamatan rantau berkenaan demi meneruskan  
pembangunan masing-masing.

"Harapan saya kerjasama yang baik yang terjalin selama ini akan  
dapat  
ditingkatkan.

"Mereka menghargai hubungan baik selama ini yang wujud di bawah  
pimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan saya juga  
akan  
meningkatkan kerjasama itu antara Malaysia dengan negara Asean,"  
katanya.

Sementara itu ditanya mengenai isu-isu tertangguh antara  
Malaysia dan  
Singapura, Abdullah berkata beliau telah mengarahkan Menteri Luar  
Datuk  
Seri Syed Hamid Albar untuk mengatur program pendekatan bagi  
membincangkan  
perkara itu.

Mengenai sama ada beliau akan menghadiri mesyuarat Kumpulan  
Negara 15  
(G15), Perdana Menteri berkata beliau sedang menunggu laporan penuh  
mengenai perkara itu.

-- BERNAMA

HT NM RON